

Kekurangan ahli pidato perlu segera diatasi

**KATA-KATA ALUAN OLEH MENTERI
PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHA-
MAD.**

SAYA bagi pihak Ke-
menterian Pelaja-
ran mengucapkan
terima kasih kepada
Y.A.B. Perdana
Menteri kerana sudi
menghadiahkan se-
buah piala rebutan
untuk Pertandingan
Bahas diantara Se-
kolah-Sekolah Ber-
asrama Penuh ter-
masuk Maktab Ten-
tera Diraja Sungai
Besl.

Hadiah ini sesung-
guhnya mempunyai
pengertian yang
amat besar kerana
di sebalik pember-
ian ini tersemat
harapan negara
yang mulia dan
murni yang hendak
dicapai melalui per-
 pertandingan ini.

Pada masa kebelaka-
ngan ini adalah di-
rasakan bahawa
negara masih meng-
alami kekurangan
ahli pidato dan
pembahas yang fa-
sih dan pintar ber-
debat di khalayak
ramal mengenai se-
suatu perkara.

Kekurangan ini perlu
diatasi sekiranya
negara ingin terus
mencapai kemajuan
dan kejayaan di bi-
dang pembangunan
ekonomi, sosial dan
politik.

Seperti mana yang te-
lah diketahui bahawa
pelajar-pelajar yang
dihantar ke Sekolah-
Sekolah Berasrama Pe-
nuh adalah dipilih khas
berdasarkan pencapai-
an yang cemerlang di
dalam peperiksaan me-
reka.



DR. MAHATHIR

Tidaklah berlebihan kira-
nya dikatakan bahawa
akan lahir dari seko-
lah-sekolah ini bakal-
bakal pemimpin negara
pada masa yang akan
datang.

Pertandingan ini akan
merupakan suatu pelu-
ang yang wajar dan
keemasan di mana pe-
lajar-pelajar ini berpe-
luang mendapatkan ke-
sempatan melatihkan
diri untuk mengelu-
arkan buahfikiran secara
lisan dengan gaya yang
akak an meyakinkan
pendengar - pendengar-
nya.

Pemimpin-pemimpin ne-
gara pada masa yang
akan datang adalah
diharapkan bukan ha-
nya cepat, tepat dan
bijak membuat sesuatu
keputusan yang meli-
batkan nasib rakyat
yang dipimpin mereka,
tetapi hendaklah juga
mereka - mereka yang
boleh mempertahankan
keputusan secara se-
pontian dengan mengem-
emukakan hujah - hu-
jah yang logik dan di-
sampaikan dengan
nada yang meyakinkan.

Inilah harapan dan cita-
cita murni pertanding-
an ini, semoga hanya
dapat dicapai dan akan
lahirlah pemedato-pe-
midato terkemuka yang
boleh membanggakan
bangsa dan negara.